

# Penetapan ringgit elak Malaysia daripada muflis

BH - 8 JUN 2001

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pendirian tegas kerajaan menetapkan kadar pertukaran ringgit, berjaya mengelakkan negara ini daripada menjadi peminta sedekah.

Perdana Menteri berkata, keputusan Malaysia menetapkan kadar tukarannya ternyata membantu negara daripada muflis, sebaliknya menjadi antara negara pertama pulih daripada krisis ekonomi yang melanda sejak 1997.

"Apa salahnya menetapkan kadar tukaran dalam dunia globalisasi? Malaysia menetapkan kadar tukarannya untuk menghadapi manipulasi pedagang mata wang dan menyekat negara ini daripada terus tergelincir ke arah muflis.

"Ada pelbagai ramalan yang dahsyat (ketika itu). Ekonomi Malaysia akan musnah sama sekali. Ia akan menjadi negara 'pariah', dijauhi oleh pelabur. Ia akan dipaksa membawa mangkuk untuk meminta sedekah.

"Tetapi tidak satupun perkara berkenaan berlaku. Kami pulih sepenuhnya. Pada tahun 2000, kami berkembang pada kadar 8.5 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)' dalam Siri Ceramah Utama U Thant, di Universiti PBB, di sini hari ini.

Siri ceramah itu diberi sempena nama U Thant, Setiausaha Agung PBB dari 1961 hingga 1971, yang mencadangkan penubuhan universiti berkenaan. Antara yang hadir pada majlis itu, termasuk diplomat, ahli politik dan cendekiawan.

Ketika sesi dialog selepas ceramah itu, Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menurun atau menaikkan nilai tukaran mata wangnya sesuka hati, sebaliknya mengkaji semua kesan dan akibat yang bakal timbul.

"Saya tidak setuju penetapan kadar pertukaran mata wang ini membawa mudarat kepada Malaysia kerana jika dilihat kepada angka ekonomi bagi negara

yang mempunyai kadar mata wang bebas seperti negara jiran kami, prestasi Malaysia adalah lebih stabil... baik dari segi ekonomi mahupun politik," katanya.

Beliau menjelaskan, sebarang usaha untuk menurunkan nilai ringgit sekarang hanya akan membawa faedah jangka pendek kerana kesan buruk akhirnya akan menjangar ke seluruh sektor.

"Katakan kita menurunkan nilai ringgit sebanyak 20 peratus, keuntungan yang kita perolehi daripada tindakan itu hanya lima peratus kerana kami mempunyai komponen import yang lebih banyak berbanding eksport.

"Akibatnya, gaji pekerja terpaksa dinaikkan kerana peningkatan kos sara hidup seiring dengan kenaikan nilai barangan import. Akhirnya, kelebihan penurunan nilai ringgit tidak akan wujud.

"Jadi kita tidak bermain dengan kadar pertukaran mata wang hanya kerana apa yang berlaku pada pesaing kita. Kita membuat pengiraan berhati-hati dan setakat ini kami dapati ia (penilaian semula kadar ringgit) tidak membantu

kedudukan ekonomi kami," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan kadar berkenaan terpaksa dinilai semula tetapi yang pasti ia tidak akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

Pada sesi dialog itu, Dr Mahathir turut menjelaskan usaha Asean untuk memiliki satu jenis mata wang sendiri sukar direalisasikan berikutan perbezaan kedudukan ekonomi, terutama kadar inflasi di kalangan negara anggotanya.

Beliau berkata, usaha ke arah mencapai matlamat pemilikan satu mata wang yang sama adalah proses yang sungguh kompleks dan pengalaman Kesatuan Eropah (EC) cukup untuk memberi pengajaran kepada Asean.

"Ia adalah satu proses penggabungan mata wang yang bukan mudah. Ia adalah proses yang sungguh kompleks dan bukan sesuatu yang boleh diputuskan begitu saja oleh ahli politik seperti saya walaupun ia kedengaran sungguh sedap.

"Pengalaman EC yang dibentuk sejak selepas

Perang Dunia Kedua pun menyaksikan ia mengam-bil masa lama untuk memiliki satu mata wang yang sama. Itupun ada negara seperti Britain yang tidak mahu menyertainya," katanya.

Perdana Menteri juga turut menolak kemungkinan wujudnya kerjasama dari segi ketenteraan di kalangan negara Asean kerana Malaysia tidak percaya dengan penyelesaian sebarang konflik dengan menggunakan senjata.

Katanya, sebarang usaha ke arah kerjasama sedemikian hanya boleh mencipta lebih banyak 'musuh' dan memaksa negara anggota membelanja peruntukan lebih besar untuk kelengkapan ketenteraan mereka.

Ketika ditanya mengenai penilaian beliau terhadap 'Dasar Pandang Ke Timur', Perdana Menteri berkata, Malaysia akan meneruskan dasar itu, tetapi akan disesuaikan dengan situasi di negara sendiri.

"Kita melihat dari segala aspek, yang betul dan salah serta kita akan menyesuaikan diri dengan sistem kita sendiri," katanya.